



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14-21 APRIL 2017

AKHBAR

MUKA SURAT

SelangorKini

- | | |
|-----------------------------------|----|
| - Tambah kiosk galak perniagaan | 19 |
| - Kaji kaedah biologi cegah Aedes | 18 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14-21 APRIL 2017

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	Tambah kiosk galak perniagaan
Muka Surat	19



Tambah kiosk galak perniagaan

selangorkini 14-21/4/17 NS 19
SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) disarankan menambah kiosk perniagaan di Taman Chempaka bagi membantu masyarakat mencari sumber pendapatan.

Ahli Dewan Negeri Chempaka, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, setakat ini enam kiosk dibuka untuk tiga sesi perniagaan iaitu pagi, tengah hari dan petang.

"Saya harap MPAJ boleh mengkaji semula untuk menambah beberapa kiosk bagi memberi peluang kepada individu berniaga dan men-

cari sumber pendapatan memangangkan keadaan ekonomi semakin menekan. "Ini kerana, saya menerima banyak permohonan daripada masyarakat yang ingin menjalankan perniagaan. Saya juga menyarankan MPAJ memberi keutamaan kepada peniaga individu berbanding cawangan," katanya dalam kenyataan di Facebook.

Pada masa sama, Iskandar yang juga Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar berkata, beliau turut menerima aduan terdapat empat gerai dipercayai tidak membayar

lesen turut menjalankan perniagaan berhampiran kiosk berkenaan.

"Diperdayai gerai terbabit tidak membayar sewa RM5 kepada MPAJ bagi setiap satu sesi sehari.

"Bagaimanapun, MPAJ sudah mengeluarkan notis saman dan tindakan sitaan ke atas gerai itu, pada Mac lalu," katanya.

Sebelum itu, Iskandar bersama ahli majlis dan pegawai Pusat Khidmat ADN Chempaka meluangkan masa bertemu dan mendengar masalah penjaja di Jalan Chempaka 8, Taman Chempaka, Ampang.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
14-21 APRIL 2017

Akhbar	Selangorkini
Tajuk Berita	Kaji kaedah biologi cegah Aedes
Muka Surat	18

Kaji kaedah biologi cegah Aedes

Selangorkini
14-21/4/17
n/s i8

AMPANG - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengkaji kaedah biologi menggunakan nyamuk Aedes disuntik dengan bakteria 'wolbachia' bagi mengawal kes denggi di kawasan pentadbirannya.

Yang Dipertua, Abd Hamid Hussain berkata, langkah itu adalah alternatif baru MPAJ se-lain menggunakan kaedah konvensional seperti pengabutan (fogging) dan gotong-royong pembersihan kawasan.

"Sebanyak 992 kes denggi

dengan tiga kematian direkodkan setakat ini di MPAJ, sehingga 25 Mac lalu.

"Bagaimanapun, jumlah kes itu lebih rendah berbanding jumlah kes dalam tempoh sama tahun lalu iaitu 2,105 kes," katanya.

Beliau berkata, MPAJ turut mengenal pasti kawasan tumpuan seperti Pandan Indah, Taman Cahaya, Bandar Baru Ampang, Taman Melawati 1, Taman Ukay Bistari dan Pandan Perdana di Jalan Perdana 6/2 hingga 6/10.